

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR  
[ BATU GAJAH – DAP ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN (NO. 46)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada para belia India melalui Program NAAM iaitu projek menanam cili. Berikan secara terperinci bilangan usahawan atau petani muda yang dihasilkan melalui projek ini sejak dilaksanakan.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada para belia India melalui Program NAAM iaitu Projek Tanaman Cili Fertigasi adalah sebanyak RM9.6 juta. Sehingga kini, seramai 107 usahawan atau petani muda telah berjaya dilahirkan.

Sekian, terima kasih.